

Baca dan fahami maklumat tersurat untuk memberikan respons. SP: 2.1.1

KBAT Menganalisis

Prihatin Seorang Ibu

Kakak Anis memperdengarkan cerita kepada Anis dan adiknya. Cerita itu tentang keprihatinan seorang ibu terhadap anaknya.

Loceng berbunyi menandakan waktu persekolahan pada hari ini telah berakhir. Hujan pula turun dengan lebatnya. Johari meredah hujan menuju kereta ibunya. Dia basah kuyup. Johari terlupa akan pesanan ibunya. "Johari, jika hujan, kamu tunggu ibu menjemput kamu di kawasan sekolah. Ibu akan membawakan payung untuk kamu."

Setelah sampai di rumah, Johari berasa kurang selesa. Selepas mandi, Johari terus tidur. Badannya semakin panas. Ibu Johari, Puan Lia mulai risau. Beliau menelefon suaminya yang bekerja di luar kawasan untuk memaklumkan keadaan Johari. Beliau turut meminta pendapat suaminya tentang tindakan yang perlu diambilnya.

"Johari, mari kita pergi ke klinik untuk berjumpa dengan doktor dan mengambil ubat," kata Puan Lia.

Puan Lia mengambil cuti untuk menjaga Johari. Pada setiap malam, Puan Lia hanya tidur-tidur ayam. Beliau menjaga Johari supaya Johari cepat sembuh.

Selepas beberapa hari, Johari semakin segar dan tidak demam lagi. Johari sangat kesal kerana tidak mengingati pesanan ibunya. Dia juga terharu akan keprihatinan ibunya.

"Terima kasih, ibu," kata Johari sambil memeluk ibunya.

Watak dalam Cerita	
Sikap Anak	
Sikap Ibu	
Pengajaran	